

Headline	Baki geran RM83.67j tidak dipulang kepada Perbendaharaan		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	03 Dec 2019	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	2	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	129 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 274
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 822



## Baki geran RM83.67j tidak dipulang kepada Perbendaharaan

KUALA • LUMPUR: Pengauditan pematuhan pengurusan geran daripada Kementerian kepada agensi persekutuan oleh Jabatan Audit Negara menemui baki geran berjumlah RM83.67 juta bagi 67 projek pembangunan dan program yang telah siap dan tidak dipulangkan kepada Perbendaharaan Malaysia.

Penemuan itu dilaporkan berlaku di lapan agensi, demikian menurut Laporan Ketua Audit Negara berkenaan Pengesahan Penyata Kewangan dan Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan 2018 yang dikeluarkan pada Isnin.

Agensi terbabit ialah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade), Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama).

Menurut laporan itu, mulai 2019 ia mula melaksanakan pengauditan pematuhan terhadap agensi persekutuan bagi menggantikan pengauditan pengurusan kewangan (AI) berdasarkan risiko.

Selain pengurusan geran, turut dilaksanakan ialah pengauditan pelaburan universiti awam dalam syarikat subsidiari dan pengurusan perolehan peralatan pencegahan, perubatan dan pemulihan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

“Sebanyak 44 syarikat subsidiari dan sub-subsidiari bagi 14 Universiti Awam mengalami aset ketara bersih negatif sejumlah RM118.26 juta pada 2018. — Bernama